



Headline: Kes Macau Scam di Selangor serius, mangsa rugi RM19.8 juta Language: Malay

Publication/Portal: Kosmo

Section: Negara

Date: 23 May 2022

Page: 8

## **+ Kes Macau Scam di Selangor serius, mangsa rugi RM19.8 juta**

**SHAH ALAM** – Penipuan Macau Scam di Selangor membimbangkan berikutan 156 kes melibatkan kerugian RM19.8 juta direkodkan dalam tempoh hanya empat bulan pertama tahun ini.

Kebanyakan kes yang dilaporkan membabitkan transaksi secara dalam talian dengan menyamar sebagai penjawat awam dan pembelian barangan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, siasatan awal mendapati, semua golongan sama ada kakitangan awam dan swasta tidak terlepas daripada menjadi mangsa penipuan.

“Sepanjang Januari hingga April lalu, kes penipuan Macau Scam mencatatkan bilangan yang tertinggi dengan kerugian melebihi RM19 juta.

“Keadaan itu amat membimbangkan, ini menunjukkan bahawa masih ramai mangsa terperdaya dengan penipuan terutama secara dalam talian,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Sukarelawan Polis Siswa-Siswi (Kor Suksis) Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM, Profesor Dr. Mohd. Sazili Shahibi.

Menurut Arjunaidi, bebera-



**KEBANYAKAN penipuan yang dilaporkan membabitkan kes membuat panggilan dengan menyamar sebagai penjawat awam.** – GAMBAR HIASAN

pa faktor dikenal pasti sebagai punca kes penipuan Macau Scam masih berleluasa sehingga kini antaranya mangsa yang terlalu panik dan mudah percaya individu yang menyamar sebagai penjawat awam menerusi panggilan telefon.

Selain itu, jelas beliau, undang-undang sedia ada perlu dipinda seiring dengan zaman teknologi yang semakin canggih.

“Kita menasihatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan merujuk kepada pihak berkaitan sebelum membuat sebarang transaksi wang tunai bagi

mengelak menjadi mangsa penipuan,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Arjunaidi berkata, pihaknya menyokong penuh sekiranya 554 pegawai Kor Suksis di Selangor mahu terus menabur bakti bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Kesemua pelajar di empat universiti termasuk UiTM digalakkan menyertai bidang kepolisian sama ada pegawai atau anggota. Mereka juga sentiasa dialukan untuk menjadi sukarelawan polis selepas tamat pengajian nanti,” katanya.